



**TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN
(PUBLIK AWAM)
BERSEKUTUAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
No. 1, Kompleks E, Presint 1,
Taman Persekutuan Putrajaya**



Tel : 03-8883 4492
Faks : 03-8883 4494

Ruj. Tuan:
Ruj. Kami: ~~KEM 600-29/3/6 302C23~~
Tarikh : 28 Disember 2020

SENARAI EDARAN

YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

KEPERLUAN NOTIFIKASI KES PENYAKIT BERJANGKIT DI BAWAH SUBSEKSYEN 10(2) AKTA PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT 1988 [AKTA 342]

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) telah diwartakan dan dimasukkan ke dalam Jadual Pertama sebagai penyakit yang wajib dinotifikasi di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342]. Keperluan menotifikasikan penyakit berjangkit dalam Jadual Pertama ini adalah bagi pengamal perubatan yang merawat atau yang mendapat tahu tentang wujudnya penyakit berjangkit di mana-mana premis seperti yang diperuntukkan di bawah:

Subseksyen 10(2) Akta 342, tiap-tiap pengamal perubatan yang merawat atau mendapat tahu tentang wujudnya apa-apa penyakit berjangkit di mana-mana premis hendaklah memberikan notis tentang wujudnya penyakit berjangkit itu kepada Pegawai Kesihatan yang paling hampir, seboleh-bolehnya tanpa kelengahan, dalam borang yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta 342.

3. Atas keperluan ini juga, setiap borang permohonan ujian makmal tersebut perlulah dicop dan ditandatangani oleh pengamal perubatan berdaftar bagi tujuan notifikasi.

4. Semua kes positif COVID-19 hendaklah dinotifikasi kepada Pejabat Kesihatan Daerah berhampiran dalam tempoh 24 jam bagi memudahcara tindakan kawalan dan pencegahan dalam komuniti diambil. Kegagalan mematuhi peruntukan Seksyen 10 Akta 342 merupakan satu kesalahan di bawah Subseksyen 10(5) dan jika disabitkan, boleh dikenakan penalti di bawah Seksyen 24 iaitu dipenjarakan bagi tempoh tidak melebihi 2 tahun atau didenda atau kedua-duanya

...2/-


5. Sehubungan itu, YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan diminta menyampaikan maklumat ini kepada semua pengamal perubatan di klinik, hospital dan makmal Kerajaan dan swasta yang terlibat dalam menjalankan ujian dan pengurusan kes COVID-19 dan lain-lain penyakit berjangkit.

6. Bersama-sama ini disertakan Jadual Pertama Seksyen 2 Akta 342 yang telah dipinda dan Perintah Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pindaan Jadual Pertama) [P.U.(A) 179] 2020 untuk semakan dan tindakan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' DR. CHONG CHEE KHEONG)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k:

1. Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia
2. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
3. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)
4. Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit
5. Pengarah Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam
6. Pengarah Bahagian Perkembangan Perubatan
7. Pengarah Bahagian Amalan Perubatan
8. Pengarah Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga

SENARAI EDARAN

Presiden
Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM)

Presiden
Persatuan Perubatan Malaysia (MMA)

Presiden
Medical Practitioners Coalition Association Of Malaysia (MPCAM)

Presiden
Federation Of Private Medical Practitioners Associations, Malaysia (FPMPAM)

Presiden
Pertubuhan Doktor-Doktor Islam Malaysia (PERDIM)

Pengurus
Lablink(M) Sdn Bhd (KPJ), Kuala Lumpur

Pengurus
Pantai Premier Pathology Sdn Bhd, Kuala Lumpur

Pengurus
Neogenix Laboratoire Sdn Bhd, Kelana Jaya

Pengurus
BP Clinical Lab Sdn Bhd (Glenmarie branch)

Pengurus
Sunway Medical Centre, Petaling Jaya

Pengurus
Gribbles Pathology Sdn Bhd, Petaling Jaya

Pengurus
Gnosis Laboratories (M) Sdn. Bhd., Subang Jaya

Pengurus
Institut Jantung Negara (IJN) Sdn. Bhd., Kuala Lumpur

Pengurus
Synapse Sdn. Bhd., Kelana Jaya

Pengurus
Subang Jaya Medical Centre (SJMC) Sdn. Bhd., Subang Jaya

Pengurus
Oncode Scientific Sdn. Bhd., Shah Alam

Pengurus
MyGenome Sdn. Bhd., Kuala Lumpur

Pengurus
Bionexus Gene Lab Sdn. Bhd., Bangsar South

Pengurus
JSS Medical Lab (M) Sdn. Bhd., Shah Alam

Pengurus
KL International Healthcare Centre, Kuala Lumpur

Pengurus
Pathology & Clinical Laboratory (M) Sdn. Bhd., Petaling Jaya



9 Jun 2020
9 June 2020
P.U. (A) 179

WARTAKERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN
PENYAKIT BERJANGKIT
(PINDAAN JADUAL PERTAMA) 2020

*PREVENTION AND CONTROL OF INFECTIOUS
DISEASES (AMENDMENT OF FIRST SCHEDULE)
ORDER 2020*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT 1988

PERINTAH PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT
(PINDAAN JADUAL PERTAMA) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 30 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pindaan Jadual Pertama) 2020**.

Pindaan Jadual Pertama

2. Jadual Pertama kepada Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dipinda dalam Bahagian I—

(a) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan memasukkan selepas perenggan 17 perenggan yang berikut:

“17A. Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)”; dan

(b) dalam teks bahasa Inggeris, dengan memasukkan selepas perenggan 3 perenggan yang berikut:

“3A. Coronavirus Disease 2019 (COVID-19)”.

Dibuat 9 Jun 2020

[KKM.600-29/4/146]ld.2 (30); PN(PU2)470/III]

DATO' SRI DR. ADHAM BIN BABA
Menteri Kesihatan

PREVENTION AND CONTROL OF INFECTIOUS DISEASES ACT 1988

PREVENTION AND CONTROL OF INFECTIOUS DISEASES
(AMENDMENT OF FIRST SCHEDULE) ORDER 2020

IN exercise of the powers conferred by section 30 of the Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988 [Act 342], the Minister makes the following order:

Citation

1. This order may be cited as the **Prevention and Control of Infectious Diseases (Amendment of First Schedule) Order 2020**.

Amendment of First Schedule

2. The First Schedule to the Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988 is amended in Part I—

(a) in the national language text, by inserting after paragraph 17 the following paragraph:

“17A. Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)”; and

(b) in the English language text, by inserting after paragraph 3 the following paragraph:

“3A. Coronavirus Disease 2019 (COVID-19)”.

Made 9 June 2020

[KKM.600-29/4/146]ld.2 (30); PN(PU2)470/III]

DATO' SRI DR. ADHAM BIN BABA
Minister of Health

(2) Pemansuhan ini tidaklah menyentuh apa-apa jua yang dilakukan atau dibiarkan dengan wajar atau apa-apa hak, keistimewaan, obligasi atau liabiliti yang diperoleh, terakru atau ditanggung di bawah undang-undang bertulis itu; dan khususnya (tanpa menjejaskan keluasan yang terdahulu) apa-apa perjanjian, pelantikan, kelulusan, jawatan, notis atau pengiktirafan yang dibuat atau diberikan di bawah undang-undang bertulis itu hendaklah terus berkuat kuasa dan berkesan seolah-olah ia telah dibuat atau diberikan di bawah Akta ini.

JADUAL PERTAMA

[Seksyen 2]

PENYAKIT-PENYAKIT BERJANGKIT

BAHAGIAN I

1. *Avian Influenza*
2. Batuk Kokol
3. Campak
4. *Chancroid*
5. Demam denggi dan demam denggi berdarah
6. Demam kuning
7. Difteria
8. Disenteri (Semua jenis)
9. Ebola
10. Jangkitan Gonococcal (Semua jenis)
11. Jangkitan virus Zika
12. Leptospirosis
13. Keracunan makanan
14. Kolera

15. Kusta
16. Malaria
17. *Middle East Respiratory Syndrome Coronavirus* (MERS-CoV)
18. Penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD)
19. *Plague*
20. Poliomielititis (Akut)
21. *Rabies*
22. *Relapsing fever*
23. Sifilis (Semua jenis)
24. Tetanus (Semua jenis)
25. Tifoid dan *paratyphoid*
26. Tifus dan ricketsioses lain
27. Tuberkulosis (Semua jenis)
28. Viral ensefalitis
29. Viral hepatitis
30. Apa-apa jangkitan microbial lain yang mengancam nyawa

BAHAGIAN II

Human Immunodeficiency Virus Infection (Semua jenis)

JADUAL KEDUA

[Seksyen 33]

PEMANSUHAN

(1) <i>Nombor</i>	(2) <i>Tajuk ringkas</i>
N.M.B. Bab 185	Enakmen Kuarantin
N.M.B. Bab 186	Enakmen Pencegahan Penyakit
N.M.B. Bab 187	Enakmen Tanam Cacar